



# SIARAN MEDIA

## KPKT LULUS RM6.72 JUTA UNTUK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR AWAM DAN SOSIO EKONOMI PENDUDUK KAMPAR

---

**KAMPAR, 10 Ogos 2024** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM6.72 juta** bagi pelaksanaan 11 projek pembangunan dan infrastruktur awam kepada penduduk Kampar bagi tahun 2024.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) menerusi lawatan kerja beliau bersempena **Program Sentuhan Kasih KPKT ke Kampar** pada pagi ini telah mengumumkan peruntukan sebanyak **RM6,719,840.00** telah disalurkan oleh KPKT meliputi pelaksanaan bagi projek-projek seperti berikut :

1. Program Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) sebanyak **RM210,000.00**;
2. Projek pembangunan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Perak, Majlis Daerah Kampar (MD Kampar) sebanyak **RM3,060,000.00**;
3. Projek Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di Bandar Kampar sebanyak **RM500,000.00**;
4. Program baik pulih rumah sebanyak **RM120,000.00**;
5. Projek kemajuan Kampung Baru termasuk Program Bantuan Baik Pulih sebanyak **RM1,300,140.00**;
6. Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) sebanyak **RM1,200,000.00**; dan
7. Projek pembaikan, pengubahsuaian dan penyelenggaraan tiga (3) Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) sebanyak **RM329,700.00**.

Siri lawatan kerja YB KM di Kampar hari ini bermula dengan tinjauan ke projek menaik taraf Pasar Awam Kampar dan Pasar Khinzir Kampar. Projek naik taraf ini adalah melibatkan penyediaan ruang niaga sementara, kerja-kerja memasang *paver block*, papan tanda tunjuk arah, membuka dan memasang kipas siling serta kipas industri, pemasangan tangga besi, membaiki *handrailing* dan memasang papan tanda bangunan.

YB KM turut melawat Projek Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di sepanjang Jalan Jalinan Hijau di antara Jalan Angkasa dan Jalan Damai 1&6, Bandar Kampar. Projek melibatkan kerja-kerja pembangunan landskap bagi menyediakan kemudahan rekreasi yang selesa dan selamat kepada penduduk sekitar. Ini adalah bukti keprihatinan KPKT bagi meningkatkan kesejahteraan, keselesaan dan keselamatan rakyat.

Seterusnya YB KM telah meninjau Projek Naik Taraf Dewan Orang Ramai di Kampung Baru Wah Loong, Kampar. YB KM turut berkesempatan menyemarakkan sambutan kemerdekaan dengan menyerahkan bendera kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) KB Parlimen Kampar.

Turut diadakan ialah Majlis Penyerahan Peruntukan Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) bagi tahun 2024 bertempat di Gurdwara Sahib Kampar. Peruntukan sebanyak **RM329,700.00** telah diluluskan kepada tiga (3) buah RIBI di Kampar. Secara keseluruhan sebanyak **RM7,114,114.55** telah diluluskan kepada sebanyak 70 buah RIBI di seluruh negeri Perak dari Januari sehingga Ogos 2024.

Pada akhir siri lawatan Program Sentuhan Kasih di Kampar, YB KM dan pasukan KPKT telah meninjau projek naik taraf Pasar Mambang Diawan. Projek ini dijangka dapat meningkatkan lagi ekonomi setempat di samping membantu meringankan beban rakyat melalui penyediaan perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik.

Menurut YB KM, “Peruntukan yang diluluskan oleh KPKT ini adalah belanjawan berasaskan prestasi atau *“performance-based budget”*. Ini bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT dalam penambahbaikan infrastruktur awam dapat terus dipertingkatkan di Daerah Kampar demi keselesaan dan kesejahteraan penduduk setempat”.

Turut hadir bersama ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah; Ahli Parlimen Kampar, YB Tuan Chong Zhemin; ADUN Teja, YB Puan Sandra Ng Shy Ching; ADUN Keranji, YB Puan Angeline Koo Haai Yen; ADUN Malim Nawar, YB Puan Shasha Veraiah, barisan pengurusan tertinggi KPKT serta pimpinan dari MD Kampar.

KPKT melalui jabatan dan agensi di bawahnya akan sentiasa bekerjasama dengan PBT di seluruh negara bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

**#MalaysiaMADANI**  
**#StrongerTogether**  
**#DemiPertawi**  
**#UnityInDiversity**

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

